

1001 Masalah

Adapun ayat-ayat “*al-Makkiyyah*” itu adalah ayat-ayat yang turunkan di Makkah ataupun ayat-ayat yang diturunkan pada masa Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* belum berpindah (berhijrah²) ke Madinah.

Ayat-ayat “*al-Madaniyyah*” itu pula ialah ayat-ayat yang diturunkan di Madinah atau ayat-ayat yang diturunkan selepas berhijrahnya Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* ke Kota Madinah.

Perbezaan antara kedua-duanya ialah: ayat-ayat “*al-Makkiyyah*” pada umumnya pendek-pendek, sedang ayat-ayat “*al-Madaniyyah*” yang merupakan 11/30 dari seluruh isi al-Qur’ān mengandungi 1456 ayat, sedang surah “*al-Makkiyyah*” yang merupakan 19/30 dari isi al-Qur’ān seluruhnya mengandungi 4780 ayat.

Dalam surah-surah “*al-Madaniyyah*” lebih banyak didapati kata-kata seruan yang bercorak khusus yang ditujukan kepada orang-orang Islam yang mana ayat-ayatnya sering kali dimulakan dengan jumlah kata yang berbunyi: (***Yā ayyuhā alladhīna āmanū***) dan sedikit sekali didapati kata-kata seruan yang berbentuk umum yang ditujukan kepada seluruh manusia yang dimulakan dengan jumlah kata yang berbunyi: (***Yā ayyuhā al-nās***). Sedangkan di dalam surah-surah “*al-Makkiyyah*” adalah sebaliknya.

Ayat-ayat “*al-Makkiyyah*” pada umumnya adalah mengandungi hal-hal yang ada hubungannya dengan keimanan, nikmat syurga dan ancaman neraka serta menceritakan kisah-kisah umat-umat zaman dahulu kala yang datang dan pergi

silih berganti yang mana kisah-kisah tersebut mengandungi beberapa pengajaran yang sangat baik dijadikan teladan kepada umat-umat yang datang di zaman kebelakangan ini. Sedangkan ayat-ayat “*al-Madaniyyah*” lebih menitikberatkan soal hukum, adat atau hukum-hukum yang bersangkutan paut dengan kehidupan di dunia, seperti hukum pergaulan dalam masyarakat, hukum ketatanegaraan, hukum menghadapi musuh-musuh dalam peperangan, hukum hormat-menghormati antara agama, mahupun hukum-hukum yang mengenai masyarakat umat Islam khususnya.

Inilah jawapan ringkas berhubung dengan pertanyaan yang tuan kemukakan itu, semoga memuaskan. Dan jika tuan berkehendak penerangan-penerangan yang lebih luas dari ini, silalah baca buku-buku sejarah al-Qur’ān, di sana tentu keterangan-keterangan yang lebih luas akan dapat tuan ketahui.

Pertanyaan dari:

Ghazali bin Awang,
Kampung Kandang,
Melaka.

Pada bulan puasa tahun 1387 yang lalu saya telah meninggalkan puasa selama tiga hari kerana sakit, puasa yang ketinggalan itu tidak saya qada sehingga tiba bulan puasa tahun 1388 yang baharu lepas ini, kerana saya terlupa. Pada tahun 1388 ini saya dapat menunaikan puasa genap 30 hari. Adakah wajib bagi saya mengqada puasa 3 hari yang saya tinggalkan pada tahun yang lalu dan bagaimana caranya?

Jawab

En. Ghazali diwajibkan mengqada 3 hari puasa yang telah tuan tinggalkan kerana sakit itu. Memang benar orang yang ditimpa sakit dalam bulan Ramadān itu diharuskan baginya berbuka puasa, tetapi beberapa banyak hari yang ia tidak berpuasa itu hendaklah diqada. Ini adalah perintah Tuhan yang tersebut di dalam *sūrat al-Baqarah* ayat (184) yang berbunyi:

“*Fa man kāna minkum marḍan aw ‘alā safarin fa ‘iddatun min ayyāmin ukhar.*”

Ertinya: “Maka jika di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka) maka (wajiblah baginya) mengulangi puasa (mengqadanya) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain.”

Tetapi oleh kerana puasa tahun 1387 yang tuan tinggalkan itu tidak tuan bayar sehingga bertemu pula dengan bulan puasa tahun 1388, maka selain dari tuan diwajibkan mengqada puasa tersebut, maka tuan diwajibkan pula membayar *fiḍyah* (denda) iaitu memberi makan seorang miskin selama beberapa hari yang tuan melakukan qada puasa itu. Atau menurut kelaziman, tuan boleh mendedekahkan secupak beras sehari kepada orang miskin pada setiap hari tuan melakukan puasa qada itu.

Abu al-Mokhtar

Kata-kata Hikmah

Menuduh dan menyalahkan orang-orang yang tiada di hadapan kamu itu sangatlah mudahnya, semudah kamu melawan seribu bangkai.

(Ahli al-sufi)

² Perkataan yang sebenar ialah berhijrah.

Renunglah!

Fikir Itu Pelita Hati

(Abdul Majid Haji Khatib)

“Fikir itu pelita hati” kata pujangga. Memang benar sekali kata-kata ini. Allah menyuruh kita berfikir. Bacalah Qur’an. Akan kita dapat ayat-ayat yang menyuruh kita berfikir. Nabi besar kita Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pun menyuruh kita selalu berfikir. Bacalah hadith. Akan kita dapati bermacam-macam fikiran dari segala sabda baginda itu. Cubalah perhatikan kemajuan sains dan teknologi, kemajuan falsafah dan tamadun manusia hingga kini. Adalah punca dari fikiran. Ahli-ahli falsafah mengeluarkan pendapat-pendapat baru, hasil dari fikiran mereka. Ahli-ahli sains mengemukakan teori-teori baru, hasil dari fikiran mereka. Orang-orang yang berjaya dalam hidup adalah menggunakan daya fikirannya, sebagai tangga menuju kejayaan mereka itu. Memang benarlah betapa besarnya hikmah fikiran itu pada orang-orang yang mahu menggunakannya. Oleh itu latihlah diri kita supaya selalu berfikir.

Cuba menung sebentar di kala keadaan suasana aman dan tidak ada apa-apa yang mengganggu kita. Renungilah ke dalam diri kita, dan tanya diri sendiri.

1. Siapa aku ini sebenarnya?
2. Dahulu aku tiada, kemudian aku lahir ke dunia ini, setelah itu ke mana aku?

3. Apa sebab aku dihidupkan?

4. Apakah tujuan aku hidup di dunia ini?

5. Siapakah yang menjadikan aku begini?

Begitulah pertanyaan demi pertanyaan, selanjutnya boleh kita soalkan dan kita fikirkan untuk mengenali diri kita.

Pandang pula alam keliling.

Di kampung, di sawah, di tepi pantai, di gunung, di bandar. Pandang ke langit di malam hari. Pandang fajar menyingsing, matahari terbenam. Bahkan ke mana sahaja mata memandang. Jika dipandang, diselidiki, dan disoal hati kecil kita dengan insaf akan khusyuk, maka banyaklah ilmu dan pengetahuan yang kita dapati di situ.

Segala-galanya indah dan mengagumkan.

Cubalah soal hati kita.

1. Siapa yang menjadikan segala ini?

2. Untuk apa?

3. Adakah dijadikan segala-galanya ini dengan sia-sia belaka, tanpa tujuan dan faedah?

Ya! Kita akan insaf akan adanya

Allah yang Maha Besar, Maha Sempurna, Maha Kuasa, dan Maha Agung yang menjadikan segala itu. Dengan demikian, hati kita akan bertambah insaf dan

tawakal kepada **Allah** *Subhānahu wa Ta’ālā* dan sedarlah kita akan kedudukan kita di mayapada yang luas terbentang ini. Kita lemah. Kita tiada daya upaya. Hanya **Allah** yang Maha Gagah dan Maha Kuasa. Terasalah kita betapa perlu dan mustahaknya kita berdamping dengan **Tuhan** yang menjaga sekalian alam ini. Dengan itu peribadi kita menjadi gagah, tidak putus asa, merasa senang, tidak takut dan dukacita dalam keadaan apa dan di mana sahaja, hidup atau mati, kerana kita yakin dan percaya bahawa **Allah** yang Maha Pengasih ada bersama-sama kita. Itulah dia kesan **iman** dan **tauhid** yang sebenar-benarnya.

Kita hidup di dunia ini hanya sebentar. Tidak lama jika sekiranya dibandingkan dengan umur dunia yang begitu lanjut. Oleh itu tentulah kita hidup ini bukan sekadar hendak menambah bilangan manusia yang telah ada di dunia ini. Kita memikul amanah **Tuhan**. Kita ada tanggungjawab dan tugas. Kita menunaikan kewajipan kita kepada Allah. Tiap-tiap seorang daripada kita ada mempunyai tugas, sama ada kita menteri, askar, guru, kerani, buruh, dan sebagainya. Tugas kita adalah untuk diri, keluarga, masyarakat, tanah air, agama, bangsa, bahkan dunia dan kemanusiaan seluruhnya. Kita menjalankan tugas sekadar yang mampu kita lakukan. Jika tiada upaya melakukan tugas yang besar, buatlah yang kecil yang termampu oleh kita. Jika tidak dapat berkhidmat kepada orang lain, maka berkhidmatlah kepada diri kita sendiri. Jika kita tidak mampu berkhidmat dengan perbuatan, harta, perkataan, fikiran, maka berkhidmatlah dengan doa kepada **Allah**. Ingatlah! Tujuan